

Interaksi Pemerolehan Bahasa Melayu Kanak-Kanak Lembam Menerusi Cerita Teladan Binatang

Siti Noridayu Abd. Nasir^{1*} dan Hazlina Abdul Halim¹

¹Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

ABSTRAK

Kanak-kanak lembam merupakan kategori “kanak-kanak berkeperluan khas” di Malaysia. Menurut Puteri Roslina et al. (2016) kanak-kanak bermasalah pembelajaran ialah kanak-kanak yang bermasalah dalam menguasai bahasa, pertuturan, membaca, menulis, menaakul dan mengira. Oleh yang demikian, kanak-kanak lembam di Malaysia mengalami masalah pembelajaran yang serius dan memerlukan bantuan dalam meningkatkan pemerolehan bahasa mereka. Malahan, menurut Puteri Rolina et al. (2016) lagi kanak-kanak ini terdiri daripada mereka yang lembam, mengalami masalah disleksia, kecelaruan defisit, hiperaktiviti, bermasalah emosi dan tingkah laku, terencat akal, Sindrom Down, autism, pintar cerdas dan palsi serebrum. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada pemerolehan bahasa kanak-kanak lembam yang mengalami masalah. Kajian ini melibatkan seorang kanak-kanak berusia 10 tahun di negeri Perlis. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan Teori Behaviorisme untuk analisis data. Kemudian, buku cerita kanak-kanak tentang binatang Keldai dengan Harimau dijadikan sebagai instrumen kajian ini. adalah diharapkan kajian ini memberikan manfaat untuk panduan dan rujukan bagi kajian akan datang. Pemerolehan bahasa kanak-kanak khas begitu penting untuk membantu mereka mempelajari sesuatu bidang, terutamanya bidang akademik. Tambahan lagi, bahasa merupakan alat komunikasi terpenting manusia sama ada melalui lisan, tulisan juga bahasa isyarat.

Kata Kunci: Kanak-Kanak Lembam, Pemerolehan Bahasa, Teori Behaviorisme, Keldai dengan Harimau, Alat Komunikasi

PENGENALAN

Kemajuan dalam bidang pendidikan di Malaysia kini tidak boleh dipandang enteng lagi. Hal ini kerana, kemudahan pendidikan bukan sahaja difokuskan kepada kanak-kanak normal. Malahan, peluang mendapat pendidikan juga diberikan kepada kanak-kanak dalam kategori pendidikan khas. Sebelum mendapatkan tempat sebagai kanak-kanak yang layak berada di dalam kelas pendidikan khas beberapa prosedur perlu dijalani oleh kanak-kanak tersebut. Antaranya, menjalani pemeriksaan kesihatan untuk mendapat pengesahan pengamal perubatan bertauliah sebagai kanak-kanak berkeperluan khas. Kemudian, mendapatkan kad Orang Kelainan Upaya (OKU) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menjelang era globalisasi yang semakin mencabar, betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada setiap individu. Tidak terkecuali individu berkeperluan khas di Malaysia yang memerlukan pendidikan seiring individu normal yang lain. Malahan, tanpa pendidikan yang baik pelbagai bidang tidak dapat dikuasai. Kanak-kanak berkeperluan khas terdiri daripada pelbagai kategori di Malaysia. Antaranya, OKU Masalah Pembelajaran, OKU Fizikal, OKU Pekak dan OKU Masalah Penglihatan.

*Koresponden: noridayu87_nasir@yahoo.com

Terdapat pelbagai cara dan aktiviti yang dijalankan oleh guru pendidikan khas di Malaysia bagi meningkatkan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak berkeperluan khas. Antara masalah berkeperluan khas yang lazimnya ditemui di Malaysia adalah “lambam”. Masalah “lambam” juga dikenali sebagai *slow learner* yang agak perlahan dalam aspek pembelajaran. Namun begitu, kanak-kanak lambam juga boleh mengalami masalah lain seperti sindrom down, autism, hiperaktif, disleksia, cerebral palsy dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, kajian yang dijalankan ini hanya memfokuskan kanak-kanak berkeperluan khas yang mengalami masalah lambam. Di mana kanak-kanak lambam tersebut mengalami masalah lambat dalam proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Walaupun bahasa Melayu menjadi bahasa pertama yang digunakan dalam pembelajaran tetapi kajian ini juga mengambil kira pengaruh lain dalam penggunaan bahasa Melayu responden.

Hal ini kerana, responden menerima bahasa Melayu buat pertama kalinya melalui persekitaran ibu bapa dan keluarga responden. Namun begitu, dalam persekitaran pemerolehan bahasa Melayu responden terdapat pengaruh dialek daerah yang mempengaruhi komunikasi mereka. Dialek daerah yang digunakan di utara semenanjung (negeri Perlis) tidak menggunakan bahasa baku atau bahasa Melayu standard seperti yang digunakan di sekolah responden.

Selain itu, responden merupakan kanak-kanak lelaki yang berusia 10 tahun ini telah ditempatkan di kelas pemulihan khas setelah disahkan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran. Manakala, keluarga responden menggunakan bahasa Melayu (dialek utara) sebagai bahasa pengantar di rumah. Oleh yang demikian, responden mendapat bahasa pertamanya dalam persekitaran komunikasi keluarganya.

SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas berkaitan pemerolehan bahasa, Teori Behaviorisme dan kanak-kanak lambam dianalisis terlebih dahulu sebagai sorotan kajian. Hal ini kerana, hasil dapatan kajian lepas menunjukkan penemuan tentang kajian yang sedang dijalankan. Oleh yang demikian, perbezaan hasil dapatan akan dibandingkan dan dinilai bagi melihat keberkesanan penggunaan sesuatu instrumen yang diaplikasikan dalam penyelidikan.

Siti Noridayu Abd. Nasir, Hazlina Abdul Halim dan Sharil Nizam Sha’ri (2019) telah menjalankan kajian tentang elemen dalam buku cerita binatang yang menjadi sumber pemerolehan bahasa kanak-kanak lambam. Dalam kajian tersebut didapati bahawa buku cerita binatang kanak-kanak dapat membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak lambam setelah dibandingkan dengan buku ilmiah yang lazimnya digunakan mereka di sekolah. Hal ini kerana, dalam buku cerita binatang yang merupakan hasil sastera kanak-kanak mempunyai elemen yang dapat menarik perhatian mereka dalam mempelajari bahasa Melayu. Antaranya, mempunyai ilustrasi yang menarik, saiz perkataan yang besar, cerita yang pendek serta mempunyai nilai murni dan teladan dalam cerita tersebut.

Kemudian, Siti Noridayu Abd. Nasir dan Hazlina Abdul Halim (2019) menjalankan kajian terhadap kanak-kanak penghidap hiperaktif yang berusia 11 tahun di negeri Perlis. Kajian ini memfokuskan kepada pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak ini melalui buku bertajuk “Tikus dengan Cermin”. Hasil dapatan kajian menunjukkan responden berminat mengetahui cerita dalam buku ini kerana faktor warna dan watak yang menarik perhatian. Malahan, responden mengenali haiwan yang menjadi watak dalam buku cerita tersebut kerana telah mengenali haiwan tersebut melalui proses pembelajaran dalam persekitarannya. Namun begitu, terdapat pengaruh penggunaan istilah dalam bahasa Inggeris kerana sering mengenali *ladybug* dengan istilah bahasa Inggeris yang lebih mudah untuk responden mengingat. Selain itu,

responden juga menggunakan dialek utara yang menjadi bahasa dalam komunikasi keluarga responden.

Suci Rani Fatmawati (2015) menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak menurut tinjauan dari aspek psikolinguistik. Penyelidikan ini menyentuh tentang aplikasi pemerolehan bahasa kanak-kanak dengan Teori Behaviorisme yang mengemukakan tentang rangsangan dan respon kanak-kanak dalam memperolehi bahasa. Kemudian, Teori Nativisme yang dipelopori oleh Noam Chomsky pula berpendapat bahawa bahasa diturunkan secara genetik, bahasa dapat dikuasai dalam tempoh yang singkat dan tatabahasa anak belum cukup untuk memenuhi penguasaan bahasa daripada orang dewasa. Manakala, Teori Kognitivisme yang dipelopori oleh Jean Piaget pula berpendapat bahawa bahasa diperolehi daripada kemampuan melalui kematangan kognitif. Seterusnya, Teori Interaksionisme pula berpendapat bahawa bahasa diperolehi melalui kemampuan mental dalam pembelajaran dan interaksi.

Tay Meng Guat (2006) menjalankan kajian berkaitan pemerolehan bahasa kanak-kanak dengan menganalisis pemerolehan sintaksis bahasa Iban kanak-kanak tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis tiga ciri utama aspek sintaksis dengan memfokuskan kepada panjang ayat, struktur ujaran serta jumlah ujaran setiap giliran pertuturan responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan subjek utama kajian menggunakan pelbagai ayat yang berbeza mengikut keadaan serta bergantung pada keperluan fungsi dalam penyampaian maklumat. Maka, aplikasi penggunaan pelbagai ayat tersebut adalah sesuai dengan fungsi bahasa yang menjadi alat perhubungan bagi komunikasi dalam tujuan tertentu.

Oleh yang demikian, kajian lepas berkaitan pemerolehan bahasa, teori pemerolehan bahasa, aspek psikolinguistik dan kanak-kanak lembam menjadi sandaran dalam kajian yang dijalankan ini. Selain itu, dapatan kajian lepas lazimnya dapat dibandingkan dengan kajian yang baru dijalankan dengan melihat penggunaan item dalam penyelidikan. Hal ini kerana, aplikasi penggunaan instrument kajian dapat membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak lembam.

PERBINCANGAN

Bagi mendapatkan data kajian berkaitan interaksi bahasa pertama kanak-kanak lembam maka perlunya kajian dijalankan secara temubual. Hal ini kerana, interaksi bahasa pertama yang digunakan oleh responden dapat dilihat keberkesannya melalui ujaran dan pemahaman terhadap item kajian yang digunakan. Subjek kajian adalah seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dari negeri Perlis. Kanak-kanak ini telah disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai kanak-kanak lembam. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini dikategorikan sebagai Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran.

Maka, kanak-kanak lembam ini telah ditempatkan di kelas pemulihan khas, yang berlokasi di Sekolah Kebangsaan Simpang Empat, Perlis. Namun begitu, subjek kajian tidak mengalami sebarang masalah kecatatan fizikal. Mempunyai fizikal seperti kanak-kanak normal lain, bergerak cergas, boleh mendengar, dapat melihat dan mampu bertutur. Kemampuan bertutur subjek kajian membolehkan kajian dijalankan walaupun mengalami kesukaran dalam memberikan pemahaman cerita teladan binatang.

Malahan, kajian ini memfokuskan kepada interaksi bahasa pertama yang digunakan oleh subjek kajian. Hal ini kerana, subjek kajian menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama untuk berkomunikasi dengan ahli keluarganya dan di sekolah. Tambahan lagi, bahasa Melayu juga digunakan oleh guru di sekolah subjek kajian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maka, kajian ini menggunakan buku cerita binatang berbahasa Melayu yang bertajuk *Keldai dengan Harimau* sebagai item kajian.

Jadual 1.0 menunjukkan transkripsi dapatan kajian kanak-kanak lembam. Data ini diperolehi selepas menjalankan sesi pembacaan cerita *Keldai dengan Harimau* oleh penyelidik. Selepas itu, sesi pertanyaan soalan (soal jawab) bersama subjek dijalankan. Ketika sesi pembacaan cerita, subjek kajian hanya mendengar dengan tekun dan tidak mengajukan sebarang pertanyaan kepada penyelidik. Sedikit temubual tentang latar belakang subjek juga dijalankan sebelum kajian. Hal ini bagi mengetahui kondisi subjek dalam aspek komunikasi serta pembelajaran. Oleh yang demikian, penyelidik sedia maklum bahawa komunikasi subjek kajian terbatas kerana keliru dan lambat dalam memahami sesuatu.

Jadual 1.0 Transkripsi dapatan kajian kanak-kanak lembam

Tajuk Cerita: *Keldai dengan Harimau*

Penyelidik: Cerita ini tentang apa?

Subjek: Tiada jawapan, diam hanya melihat kepada penyelidik

Penyelidik: Tentang binatang apa?

Subjek: Keldai

Penyelidik: Macam mana kenal Keldai

Subjek: Tengok tv (sambil menunjukkan juga gambar keldai pada buku cerita)

Penyelidik: Cerita ini dari negara mana?

Subjek: China

Penyelidik: Negara China tu jauh atau dekat

Subjek: Jauh (sambil menudingkan jari menunjukkan ke arah lain)

Penyelidik: Faham tak cerita ini tentang apa?

Subjek: Pasal keldai dengan remau (mengangguk)

Penyelidik: Suka ke buku cerita ini?

Subjek: (Menggaguk sambil senyum)

Penyelidik: Cerita ini bagus atau tidak?

Subjek: Bagus (sambil mengangguk)

Adakalanya dapat dilihat respon yang ditunjukkan oleh subjek hanya mendingkan diri sahaja apabila ditanya oleh penyelidik. Soalan pertama oleh penyelidik menyebabkan subjek masih belum benar-benar bersedia, tidak yakin untuk menjawab serta keliru akan jawapan yang perlu dijawab. Maka subjek memilih untuk diam dan hanya memandang kepada penyelidik. Hal ini menunjukkan, subjek adalah kanak-kanak lembam yang perlahan dalam memperoleh sesuatu pemahaman mahupun bahasa dalam masa yang singkat.

Namun begitu, apabila ditanya tentang haiwan yang menjadi watak dalam buku cerita tersebut terdapat adanya respon ringkas daripada subjek. Subjek mengenali keldai bukan sahaja melalui pembacaan buku cerita yang menjadi item kajian tetapi melalui siaran di televisyen yang pernah ditonton subjek. Kemudian, penyelidik menyoal tentang cerita tersebut berasal daripada negara mana. Soalan ini dapat dijawab dengan baik oleh subjek kerana telah dijelaskan oleh penyelidik semasa sesi bacaan cerita sebelum soal jawab. Malahan, subjek menunjukkan bahawa dia memahami bahawa kedudukan negara China adalah jauh dibantu dengan komunikasi non-verbal bagi memahamkan penyelidik.

Seterusnya, pertanyaan penyelidik kepada subjek tentang cerita dari negeri China pula adalah tentang pengetahuan subjek di mana negara China. Apabila ditanya tentang negara China ternyata subjek memahami jarak negara China adalah jauh. Namun begitu, subjek cuba memahamkan penyelidik dengan menggunakan isyarat badan dengan menunjukkan ke arah lain bagi menunjukkan jarak negara China yang agak jauh. Kemudian, penyelidik bertanya sama ada subjek tahu atau tidak tentang cerita yang telah dibacakan. Subjek lebih memahami watak haiwan dalam cerita tersebut dengan menjawab *Pasal keldai dengan remau* yang menjadi watak utama dalam cerita tersebut. Malahan, dalam interaksi bahasa terdapat pengaruh dialek utara yang diungkapkan oleh subjek. Perkataan *remau* merujuk kepada harimau dalam bahasa Melayu

standard. Namun begitu, bagi masyarakat di utara Semenanjung Malaysia mereka menyebut harimau sebagai *remau*. Hal ini menunjukkan, subjek mendapat bahasa pertama daripada pengaruh dialek yang digunakan oleh keluarganya.

Seterusnya, penyelidik menyoal subjek tentang perasaan subjek tentang cerita yang dibacakan oleh penyelidik tentang keldai dan harimau. Subjek suka pada cerita yang telah dibacakan tetapi tidak dapat mengungkapkannya dengan perkataan yang panjang. Oleh itu, situasi yang berlaku ini menunjukkan subjek belum dapat menguasai perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu dengan meluas. Maka, telah menghadkan penguasaan subjek untuk menyebut dengan ayat yang panjang. Kemudian, penyelidik menyoal subjek tentang nilai murni bagi cerita yang telah dibacakan. Namun begitu, penyelidik menyoal dengan menggunakan ayat yang mudah untuk mengelakkan kekeliruan kepada subjek. Jawapan yang diberikan oleh subjek adalah pendek tetapi jelas menunjukkan subjek memahami bahawa cerita yang disampaikan adalah baik, bermanfaat dan mempunyai nilai murni. Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa Melayu yang lemah telah menghadkan interaksi subjek dengan penyelidik.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, interaksi bahasa pertama kanak-kanak lembam dapat ditingkatkan dengan lebih pembacaan menggunakan buku-buku yang menarik. Malahan, buku cerita binatang merupakan salah satu buku cerita yang boleh dijadikan item dalam merangsang pemerolehan bahasa kanak-kanak lembam kerana mempunyai nilai murni, warna, ilustrasi dan teks yang menarik.

Selain itu, ibu bapa serta keluarga kanak-kanak lembam boleh membantu pemerolehan bahasa kanak-kanak lembam dengan menggunakan interaksi dalam bahasa Melayu standard. Hal ini kerana, penggunaan dialek dalam interaksi seharian dapat mempengaruhi pemerolehan bahasa mereka. Oleh itu, sokongan yang padu daripada orang sekeliling dapat meningkatkan interaksi dalam bahasa Melayu yang lebih baik kepada kanak-kanak lembam.

Tambahan lagi, pemerolehan bahasa pertama bermula daripada rumah seseorang kanak-kanak lembam. Maka, interaksi dalam bahasa Melayu standard dapat membantu mereka dalam menguasai pembelajaran di sekolah yang menggunakan bahasa Melayu standard. Malahan, melalui penguasaan bahasa Melayu standard seseorang kanak-kanak lembam dapat mempelajari sesuatu yang baru dengan lebih baik dan pantas.

RUJUKAN

- Puteri Roslina Wahid. (2016). *Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak Lembam dalam Pembelajaran Bahasa Melayu*. Jurnal Bahasa. Jilid 16. Bil. 2. Disember 2016. (323-348).
- Siti Noridayu Abd.Nasir, Hazlina Abdul Halim dan Sharil Nizam Sha'ri. (2019). *Elemen dalam Buku Cerita Binatang sebagai Sumber Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Lembam*. Seminar Sastera Kanak-Kanak. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Noridayu Abd.Nasir dan Hazlina Abdul Halim. (2019). *Pemerolehan Bahasa Pertama Kanak-Kanak Hyperaktif (ADHD) melalui Buku Cerita Binatang*. Seminar Wacana Pendidikan SWAPEN 2.0 (2019).
- Suci Rani Fatmawati. (2015). *Pemerolehan Bahasa Pertama Anak Menurut Tinjauan Psikolinguistik*. Lentera, Vol. XVIII, No. 1, Juni 2015. Hlm.63-75.
- Sulaiman Zakaria. (2016). *Keldai dengan Harimau. Cerita Fabel dari Negeri-negeri Asia*. Selangor: Sri Saujana Marketing.
- Tay Meng Guat. (2006). *Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis*. Research Journal. IPBL. Jilid 7, 2006.

